

# Dr. M: Puteri UMNO penyelamat parti

UM 4 AUG 2001

KUALA LUMPUR 3 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan Puteri UMNO sebagai penyelamat ketika banyak pihak menganggap parti itu sebagai tidak lagi relevan dengan perjuangan memartabatkan agama dan kaum Melayu.

Bagaimanapun, Presiden UMNO itu mengingatkan para pemimpin dan ahli Puteri UMNO supaya jangan leka dan harus menjaga tingkah laku agar tidak menjejaskan nama baik pergerakan itu.

“Rakyat Malaysia sedang memerhatikan gerak geri (Puteri UMNO) dan ramai yang berusaha mencari kecacatan mereka.”

“Saya mengingatkan kerana akan ada orang yang akan mencari keburukan Puteri supaya gerakan mereka dapat digagalkan,” katanya.

Beliau berkata demikian di hadapan lebih 5,000 ahli Puteri UMNO yang berkumpul di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bagi menghadiri upacara penubuhan rasmi pergerakan itu malam ini.

Puteri UMNO yang ditubuhkan lebih empat bulan lalu berhasil mencatat jumlah keanggotaan yang memberangsangkan iaitu sebanyak 84,372 ahli.

Dr. Mahathir berkata, sambutan hangat terhadap Puteri merupakan bukti nyata bahawa parti itu masih lagi diterima oleh generasi muda di negara ini.

“Puteri ditubuhkan pada masa yang amat genting bagi UMNO dan negara, ketika ada pihak yang mendakwa bahawa UMNO tidak lagi relevan.

“Hari ini, kalau ada sesiapa yang mengatakan UMNO tidak relevan, saya ingin jemput mereka melihat kaca televisyen, (saksikan) relevan atau tidaknya UMNO ini,” katanya.

Perdana Menteri turut memuji wanita Melayu muda yang diwakili Puteri kerana telah menjaga nama baik masyarakat Melayu dengan menunjukkan kecemerlangan dalam pendidikan.

Golongan wanita muda Melayu itu, katanya, telah membuktikan bahawa mereka adalah lebih komited dan serius dalam mencapai kecemerlangan berbanding lelaki Melayu.

Menurut Dr. Mahathir, jumlah pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi tempatan akan hanya tinggal 40 peratus sahaja sekiranya golongan wanita Melayu muda tidak mencapai kecemerlangan akademik yang diharapkan.

“Tetapi Alhamdulillah, wanita Melayu muda memperoleh keputusan yang diharapkan, jadi dapatlah kita memenuhi kuota 55 peratus yang disediakan bagi pelajar bumiputera,” tambah Dr. Mahathir lagi.

Beliau seterusnya mencabar golongan lelaki Melayu muda agar membuktikan

bahawa mereka boleh menyaingi pencapaian golongan wanita Melayu dalam bidang akademik.

“Saya ingin tanya kepada lelaki Melayu, sampai bila mahu bergantung kepada wanita? Mereka ini perlu lebih serius belajar dengan betul sekiranya ingin menyumbang kepada bangsa, agama dan negara,” katanya disambut tepukan gemuruh para hadirin.

Menurut Dr. Mahathir, bagi membolehkan Puteri UMNO menjadi barisan pelapis yang baik kepada parti, mereka perlu menghayati perjuangan parti untuk bangsa, agama dan tanah air.

Sehubungan itu, beliau mengesyorkan Puteri supaya menjalankan kursus-kursus yang berkaitan bagi membolehkan mereka memahami perjuangan parti.

Selain itu, katanya, Puteri UMNO perlu memperkuat diri dengan mentaati pemimpin dan mengelak dari berebut jawatan untuk kepentingan diri sendiri.

“Kalau ada percakaran sesama kita, maka awal-awal lagi Puteri akan hilang taringnya dan tidak dapat memberikan sumbangan terhadap politik negara.

“Kita harus ingat akan tanggungjawab yang amat berat ini,” tegas beliau.

Selain itu, Perdana Menteri turut mengingatkan ahli-ahli Puteri UMNO supaya mendaftar sebagai pengundi dan mengambil bahagian dalam pilihan raya termasuk pilihan raya kecil.